

BAB 1

PENGENALAN

Pendahuluan

Bahasa menurut T. Iskandar (1994: 87) adalah sistem lambang-lambang suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia atau antara seorang individu dengan individu yang lain. Bahasa bagi Bloomfield dalam Mangantar Simanjuntak (1987: 42) merupakan ujaran yang mungkin muncul di dalam satu masyarakat ucapan (speech community) beliau memberi definisi, bahasa terdiri daripada sejumlah isyarat atau tanda-tanda berupa unsur-unsur vokal yang dinamakan bentuk-bentuk linguistik. Bahasa bagi Kamarudin Hj. Husin (1998:4) dikategorikan menurut fungsinya, sebagai alat untuk berkomunikasi dan menurut bentuknya, bahasa adalah terdiri daripada kalimat-kalimat yang digunakan oleh masyarakat untuk berhubung. Abdullah Hassan (1992:2-3), mendefinisikan bahasa yang digunakan dalam pertuturan sebagai satu alat perhubungan yang penting antara manusia (kadang-kadang dengan binatang). Alat perhubungan ini amat kompleks tetapi teratur dengan menggunakan kod-kod tertentu. Sebagai kesimpulannya kita dapat menjelaskan bahawa bahasa itu sebagai satu alat perhubungan yang digunakan oleh kelompok-kelompok manusia bagi tujuan komunikasi antara mereka untuk menyampaikan maklumat yang tertentu bagi memenuhi kehendak masing-masing. Mengikut Ahmad Rahman (1987: 22) bahasa itu mempunyai tiga fungsi yang utama iaitu:

1. Bahasa sebagai alat komunikasi, iaitu semakin banyak perkataan yang digunakan, semakin banyak simbol yang digunakan dalam sesuatu

- bahasa itu, maka semakin majulah sesuatu masyarakat yang menggunakan bahasa itu.
2. Bahasa sebagai alat berfikir, manusia lebih cepat atau mudah berfikir jika ia menguasai lebih daripada satu bahasa.
 3. Bahasa itu sebagai komponen alat perakam. Hal ini berlaku setelah manusia menerima atau mendengar maklumat, maka maklumat atau idea tersebut dapat dikeluarkan semula dalam bentuk lisan atau bertulis.

Sehubungan dengan itu Zulkifli Hamid (1996: 1) menegaskan bahawa bahasa itu terdiri daripada dua komponen, iaitu tatabahasa dan kecekapan berbahasa. Istilah tatabahasa merujuk kepada peraturan-peraturan atau cara-cara menyusun pelbagai unsur dalam sesuatu bahasa agar bersesuaian dengan keadaan penyusunan secara sitagmatik (menepati peraturan dan memastikan setiap buah fikiran yang disampaikan secara jelas dan berada dalam keupayaan para penerima bahasa) melalui media lisan (menerusi proses pendengaran) dan bertulis, (melalui proses pembacaan). Sementara kecekapan berbahasa pula merujuk kepada pemahaman para pengguna bahasa tentang pelbagai kekangan sosial yang wujud dalam pelbagai wacana atau situasi berbahasa. Wacana pula ditafsirkan sebagai unit bahasa yang terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, bab, buku, cerita, dialog, siri buku dan sebagainya yang menunjukkan hubungan-hubungan dan perkembangan fikiran yang berurutan, Ab. Rahman Ab. Rashid et al. (1997: 153). Di dalam wacana ini, apa yang diutamakan ialah hubungan dan kaitan yang berurutan atau keteraturan dengan perkembangan fikiran dalam bentuk lisan (pengucapan) ataupun bertulis (bermula daripada ayat, perenggan, rencana, teks atau pun buku).

Kajian wacana, menurut Adrian Akmajian et al. (1995:382-383) berkaitan dengan kajian unit bahasa dan penggunaan bahasa yang mengandungi lebih daripada satu ayat, tetapi berhubungan melalui sistem tajuk yang berkaitan. Kajian wacana juga kadang-kadang ditafsirkan secara sempit sebagai kajian ayat yang ada berhubungan atau pecahan ayat yang dihasilkan oleh seseorang penutur. Adrian Akmajian et al. menjelaskan terdapat banyak bentuk wacana atau pun kategori wacana seperti wacana surat, jenaka, syarahan, khutbah, ceramah dan sebagainya. Sementara hujah, wawancara, urusan perniagaan, arahan dan perbualan termasuk dalam pertukaran percakapan yang melibatkan lebih daripada seorang penutur.

1.2 Pernyataan Masalah

Karya-karya sastera merupakan khazanah penting kepada pembangunan dan kemajuan minda sesuatu bangsa. Kita dapat ramai penulis di Malaysia telah berjaya menghasilkan pelbagai karya sastera dalam bentuk prosa maupun puisi. Hasil-hasil karya tersebut telah dijadikan sebagai teks sastera atau pun komponen sastera dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah. Penggunaan bahan sastera itu dapat memberi pengetahuan, pengajaran dan teladan kepada para pelajar. Di samping itu ia juga dapat mencanai pemikiran serta dapat memperkembangkan sahsiah pelajar sebagaimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara, seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan berakhlik mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmornian dan kemakmuran masyarakat dan negara demi

mewujudkan masyarakat Malaysia yang taat setia, berdisiplin dan bersatu padu selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.”

(Kamarudin Hj. Husin 1994: 2-3)

Oleh kerana teks tersebut dijadikan teks bahan pengajaran kesusasteraan di sekolah-sekolah, maka aspek utama yang dilihat ialah dari sudut kesusasteraan semata-mata. Sebaliknya jarang mereka melihat hasil sesebuah karya sastera itu dari sudut wacana dan jenis-jenis penggunaannya. Aspek inilah yang akan disentuh dan dibincangkan oleh penulis, berdasarkan teks *Di Hadapan Pulau*, karya A. Samad Said terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2000.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat untuk melihat penggunaan jenis wacana yang terdapat di dalam buku *Di hadapan Pulau*, berdasarkan :

- 1.3.1 Jenis-jenis wacana
- 1.3.2 Kekerapan penggunaan sesuatu jenis wacana
- 1.3.3 Mengapakah penulis mengutamakan/memilih wacana yang tertentu dan tidak wacana yang lain.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini berfokuskan penggunaan jenis-jenis wacana dalam buku *Di Hadapan Pulau*, karya A. Samad Said tahun 2000. Kajian ini dikira penting kerana hasil daripada dapatan kajian tersebut boleh membantu para pelajar memahami dan melihat jenis-jenis

wacana yang digunakan di dalam teks-teks sastera. Pengetahuan tentang wacana secara mendalam dan menyeluruh dapat membantu seseorang dalam percakapan ataupun penulisan secara berkesan. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu meningkatkan lagi perkembangan disiplin wacana yang menarik perhatian ahli-ahli bahasa pada masa ini.

1.5 Kaedah Kajian.

Kajian yang dibuat dalam penulisan disertasi ini ialah dalam bentuk perpustakaan. Buku-buku, majalah-majalah, jurnal-jurnal, dan artikel-artikel yang dihasilkan oleh para penulis, pakar-pakar bahasa dan para sarjana yang berkaitan dalam bidang kebahasaan.

1.6 Bidang dan Batasan Kajian

Kajian dibuat berfokuskan jenis-jenis wacana yang terdapat dalam teks *Di Hadapan Pulau*. Kajian dibuat mengikut bab-bab, bermula daripada bab pertama hingga ke bab kedua belas. Teks ini ialah buku novel komponen sastera Bahasa Melayu untuk tingkatan empat sekolah menengah. Buku tersebut hasil karya Sasterwan Negara, A. Samad Said, terbitan Dewan Bahasa Pustaka, tahun 2000. Teks ini mengandungi 173 muka surat.

1.7 Definisi Konsep

Pelbagai konsep dan pengertian telah diberi oleh ahli-ahli bahasa berhubung dengan pengertian "analisis wacana". "Analisis wacana" merujuk kepada usaha mengkaji organisasi bahasa yang melampaui peringkat ayat atau peringkat klausa Stubbs M (1983: 1). Hal ini bermakna "analisis wacana" mengkaji unit-unit linguistik

yang lebih besar seperti penukaran perbualan (Conventional Exchange) atau teks. Pandangan Stubbs M. ini dapat diterima kerana memang wujud penukaran perbualan di dalam sesebuah teks. Misalnya terdapat teks dalam bentuk dialog atau wacana langsung, boleh dipindahkan ke dalam bentuk laporan biasa atau wacana tidak langsung. Penukaran tersebut akan melibatkan perubahan-perubahan dari segi struktur ayat, penggunaan kata, perubahan kata ganti diri dan juga perubahan tanda baca (untuk penulisan sahaja). Analisis wacana juga meneliti penggunaan bahasa dalam konteks sosial, dan secara khusus interaksi atau dialog antara penutur. Sebagai contoh, terdapat penggunaan bahasa mengikut taraf atau kedudukan tertentu seperti penggunaan bahasa sesama rakyat jelata tidak sama dengan bahasa di raja atau pun bahasa semasa rakyat bercakap dengan raja.

Contoh 1. Bahasa rakyat sesama rakyat:

“Setelah dilihat oleh tuannya, maka kata tuannya, “Siapa menebang perhumaan **kita** ini maka bangat amat suci?” Maka kata Badang, “ **Saya** menebang dia.” Maka kata tuannya,” Betapa perimu menebang demikian ini dengan seorang **dirimu** maka bangat sudah ini, serta dengan luasnya?”

(W.G Shellabear 1978 : 35)

Contoh 2. Bahasa rakyat dengan raja:

“Maka sembah Badang, “ Tuanku, adalah akan Benderang itu, kepada zaman ini pahlawan gagah bukan barang-barang perkasanya termasyhur pada segala negeri. Jikalau **patik** alah Tidakkah Duli Yang Dipertuan malu? Pada fikir **patik** jika Duli Yang Dipertuan hendak mengadu **patik** dengan **dia**, baiklah dipanggil **dia** pada malam ini, dianugerahi ayapan, supaya **patik** cuba, jikalau dapat **patik** lawan, duli **Tuanku** adulah ia dengan **patik**; jikalau tiada dapat **patik** lawan, duli **Tuanku** tegah **patik** jangan diberi melawan **dia** bermain.”

(W.G Shellabear 1978: 37)

Dalam contoh 1, penggunaan kata ganti nama diri **kita**, **saya** dan **mu** digunakan dalam bahasa percakapan antara rakyat sesama rakyat. Sementara dalam contoh 2, penggunaan kata ganti nama diri **Tuanku**, **patik**, **dia** dan **ia** digunakan dalam bahasa percakapan antara rakyat dengan raja. Perbezaan itu wujud kerana kedudukan taraf sosial antara rakyat dengan raja berbeza. Raja dalam sistem pemerintahan Melayu tradisional, sebagai kumpulan atasan lazimnya menjadi pemerintah, sementara rakyat golongan bawahan atau rakyat biasa menjadi orang yang kena perintah. Oleh itu jelaslah kepada kita bahawa bahasa percakapan berbeza mengikut taraf sosialnya di mana status golongan sesuatu kumpulan atau masyarakat itu berada.

Penggunaan bahasa di pasar tidak sama dengan penggunaan bahasa di dalam majlis rasmi. Begitu juga dengan penggunaan dialek, berbeza mengikut tempat, kawasan, daerah atau pun negeri. Contohnya orang Kelantan apabila bertemu dengan orang Kelantan, di sesuatu tempat yang tidak formal mereka lebih suka menggunakan dialek Kelantan. Begitu juga jika orang Negeri Sembilan bertemu sesama mereka sudah pasti mereka akan bercakap dengan menggunakan loghat Negeri Sembilan. Dalam keadaan yang tertentu pula, misalnya dalam persidangan peringkat kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu, percakapan loghat mengikut negeri itu tidak akan berlaku. Mereka akan menggunakan bahasa Melayu Standard atau bahasa Melayu baku. Sebagai rumusannya penggunaan sesuatu bahasa itu ditentukan oleh pengguna bahasa itu sendiri mengikut situasi sosial di mana percakapan atau bahasa itu digunakan. Jika tidak penuturnya tidak akan dapat menyampaikan mesej secara berkesan.